

15 tahun tetap **RM1**

■ **Murtabak Pak Ali kekal harga tanpa ubah saiz juadah**

Oleh Azahar Hashim
am@hmetro.com.my
Kulim

Walaupun harga barang naik, namun Murtabak Pak Ali masih mengekalkan harganya RM1 sejak dijual 15 tahun lalu setiap kali Ramadan selain mengekalkan kuantiti bahannya.

Pemiliknya Mohd Ghazali Hussin, 45, berkata, setiap tahun dia akan berniaga di Bazar Ramadan Jalan Kelang Lama, di sini, dan tetap mengekalkan harga sama tanpa mengubah kuantiti bahan membuat murtabak.

Menurutnya, pada hari biasa, dia akan berniaga di Pasar Awam Kulim dengan menjual roti canai dan murtabak dengan harga RM1.

“Sejak 15 tahun lalu harga murtabak saya tetap sama walaupun harga barang naik selain pelaksanaan GST”

Mohd Ghazali

“Sejak 15 tahun lalu harga murtabak saya tetap sama iaitu RM1 walaupun harga barang naik selain pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), namun saya tidak pernah menaikkan harga demi kepuasan pelanggan.

“Saya tidak mengurangkan bahan dan kualiti serta saiz murtabak yang tetap



MURTABAK Pak Ali dijual RM1 di Bazar Ramadan Jalan Kelang Lama di Kulim.

sama,” katanya.

Mohd Ghazali berkata, setiap hari, dia akan menggunakan kira-kira 40 kilogram (kg) tepung, 1,500 biji telur ayam, 20 guni bawang, tiga kg ayam dan dua kg daging untuk bahan murtabak.

“Setiap hari jam 6.30 pagi saya akan ke pasar membeli bahan-bahan mentah dan pada jam 10 pagi kami memulakan kerja untuk menguli tepung dan menyediakan bahan membuat murtabak.

“Sehingga kini, maklum

balas daripada pelanggan amat memuaskan dan sejak gerai ini dimuat turun di laman sosial Facebook, pelanggan semakin bertambah kerana ramai yang ingin merasa murtabak yang dijual dengan harga murah,” katanya.